

Malam karnival kesenian KUTKM

Archival News | Berita Harian | 24/01/2003

MELAKA: Orang ramai dijemput menyaksikan Malam Karnival Kesenian dan Kebudayaan anjuran Kelab Perpaduan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) di Kompleks Makmal Fasa B KUTKM, jam 2 petang, Ahad ini.

Serentak dengan itu, pelbagai program disediakan termasuk persembahan tarian tradisional pelbagai kaum, pementasan drama dan pantomin, tarian singa, pertunjukan fesyen dan persembahan pancaragam.

Penolong Pendaftar Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) KUTKM, Mohd Marwan Abu Kasim, berkata pada sebelah petangnya orang ramai berpeluang menjamu selera di gerai yang disediakan.

Katanya, program itu diadakan bertujuan mengeratkan hubungan warga KUTKM di samping memberi peluang kepada orang ramai menyaksikan bakat pelajar KUTKM.

(END) Source : Berita Harian